ASPA اسفا

AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD

POLISI BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

DISEDIAKAN OLEH	DISEMAK OLEH	DILULUSKAN OLEH
.....	.....	.....
PEGAWAI INTEGRITI	**PENGURUS BESAR**	**PENGERUSI JAWATANKUASA AUDIT & PENGURUSAN RISIKO**

Dokumen ini adalah harta intelek Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) dan ia mengandungi maklumat sulit yang tidak boleh disalin, dicetak atau dipinda dalam sebarang bentuk oleh mana-mana pihak ketiga tanpa sebarang kebenaran bertulis dari pihak Pengurus Besar, ASPA. Pihak syarikat berhak menyekat segala maklumat yang ada tanpa segala alasan.

Helaian ini merekodkan setiap pindaan ke atas polisi ini. Segala butir-butir pindaan perlu dinyatakan dengan jelas.

No. Pindaan	Muka Surat	Butir-Butir Pindaan	Tarikh
		Edaran pertama	9 April 2026

KANDUNGAN

1.0 OBJEKTIF 1

2.0 SKOP 1

3.0 DEFINISI DAN TAKRIFAN 1

4.0 PERNYATAAN POLISI 1

5.0 BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA 1

6.0 PEMATUHAN 2

7.0 SEMAKAN POLISI DAN PROSEDUR 2

8.0 TARIKH KUATKUASA 3

ASPA AMANAH SAHAM PAHANG BERHAD	**POLISI BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA**	Tarikh Efektif: **7 April 2026**

1.0 OBJEKTIF

Polisi ini diwujudkan untuk memberi panduan dalam memulakan atau memantau perhubungan dengan pihak ketiga serta menguruskan risiko rasuah dan sogokan berkaitan dengan urusan perniagaan.

2.0 SKOP

Polisi ini terpakai ke atas kakitangan syarikat (sama ada tetap dan kontrak)

Polisi ini turut terpakai ke atas pengarah syarikat, konsultan, kontraktor, pelajar latihan industri, kakitangan pinjaman, kakitangan kontrak, rakan niaga, pemegang taruh, ejen atau mana-mana pihak yang dilantik syarikat dan pihak-pihak lain yang berurusan dengan syarikat.

3.0 DEFINISI DAN TAKRIFAN

RINGKASAN	DEFINISI
Polisi	Polisi berurusan dengan pihak ketiga
Pihak ketiga	Pihak ketiga termasuk tetapi tidak terhad kepada penjual, pembekal, penyedia perkhidmatan, kontraktor, sub-kontraktor, penasihat, ejen, pengedar dan peniaga yang mempunyai urusan perniagaan dengan ASPA
Syarikat	Amanah Saham Pahang Berhad (ASPA) dan anak syarikat milik ASPA
Kakitangan	Kakitangan ASPA dan anak syarikat milik ASPA

4.0 PERNYATAAN POLISI

Syarikat komited untuk bertindak dengan penuh berintegriti dalam semua aktiviti perniagaan dengan pihak ketiga dan mematuhi undang-undang serta peraturan yang telah ditetapkan.

5.0 BERURUSAN DENGAN PIHAK KETIGA

Syarikat berpegang pada prinsip utama dalam berurusan dengan pihak ketiga iaitu “percaya tetapi perlu disahkan”.

Semasa berurusan dengan pihak ketiga, usaha wajar yang bersesuaian perlu dijalankan untuk memahami perniagaan dan latar belakang pihak ketiga sebelum menjalankan

sebarang hubungan bagi memastikan mereka mengikuti tahap integriti yang boleh diterima dalam menjalankan perniagaan.

Prosedur usaha wajar yang betul membolehkan syarikat membuat susulan kepada komitmennya untuk bertindak secara berintegriti dengan melindungi daripada bekerjasama dengan syarikat-syarikat atau individu-individu yang tidak beroperasi berdasarkan kepada prinsip-prinsip beretika. Prosedur ini juga akan mengurangkan risiko reputasi dan perundangan yang timbul daripada undang-undang pencegahan rasuah, termasuk Akta SPRM 2009.

Usaha wajar yang boleh diambil bagi menguruskan risiko apabila berurusan dengan pihak ketiga iaitu:

i. semakan latar belakang syarikat atau individu;
ii. verifikasi maklumat yang diberikan adalah sahih; serta
iii. semak imbang dokumentasi perniagaan.

Sekiranya berlaku salah laku jenayah atau pelanggaran tata kelakuan oleh pihak ketiga, tindakan wajaran seperti berikut diambil:

i. penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/ sebut harga; atau
ii. penamatan kontrak bagi tender/ sebut harga; atau
iii. lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan kerajaan yang berkuatkuasa.

6.0 PEMATUHAN

Pelanggaran polisi ini merupakan suatu pelanggaran undang-undang dan menjadi kewajipan syarikat untuk melaporkan kepada agensi penguatkuasa.

7.0 SEMAKAN POLISI DAN PROSEDUR

Unit Integriti bertanggungjawab membuat tafsiran, semakan dan permohonan terhadap polisi ini. Polisi ini akan disemak semula mengikut keperluan dan undang-undang dari semasa ke semasa.

Sebarang pindaan terhadap polisi ini akan menjadi efektif sebaik sahaja ianya diluluskan oleh Jawatankuasa Audit & Pengurusan Risiko dan diedarkan kepada kakitangan syarikat.

Sekiranya terdapat percanggahan terma dalam polisi ini, terma dan syarat syarikat serta kod etika dan tatalaku syarikat berkenaan skop yang dinyatakan dalam polisi ini, terma dalam polisi ini akan kekal.

8.0 TARIKH KUATKUASA

Polisi ini diluluskan pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah Kali Ke 01/2026 bertarikh 2 Februari 2026 dan berkuatkuasa pada 7 April 2026.